



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan bertaraf Bumiputera (Jika Berkaitan) yang masih sah tempohnya dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

NO. TENDER	PERIHAL KERJA	HARGA DOKUMEN/ TARIKH MULAI DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN
MBJB/K/ 54/2023	<p>Perkhidmatan Membekal, Merekabentuk, Mencetak Dan Mengepos Bil Cukai Harta, Surat Peringatan Cukai Harta, Notis Pendaftaran Pindahmilik (Borang I) Seksyen 160, Notis Senarai Nilalan Baru (Seksyen 141) Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tempoh 24 Bulan</p> <p>Tarikh Taklimat & Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Penilaian, Jabatan Penilaian, Aras 7, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Jam : 9.30 Pagi</p> <p>Tarikh Tutup Tender : 24.9.2023 (Ahad)</p> <p>Jam : 12.00 tengahari</p> <p>No. Fail : MJB/B/U/2023/38/PRL/1</p> <p>*TAKLIMAT PEJABAT / LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN*</p>	<p>RM300.00</p> <p>30.8.2023 hingga 21.9.2023</p> <p>(Rujuk Perenggan 4)</p>	<p>Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 221606 (Mencetak Borang / Kertas Komputer (Perlu Lesen KDN) ATAU 221615 (Rekabentuk Percetakan (Printing Design) ATAU 221710 (Perkhidmatan Mel Pukal)</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB/KKM Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak</p>

<p>MBJB/K/ 55/2023</p>	<p>Kerja-Kerja Penyelenggaraan, Pembersihan Dan Penjagaan Landskap Di Taman Rekreasi Taman Pelangi Indah, Johor Bahru Bagi Tempoh 12 Bulan</p> <p>Tarikh Taklimat : 30.8.2023 (Rabu) & Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Taman Awam, Jabatan Landskap, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru</p> <p>Jam : 9.30 pagi Tarikh Tutup : 24.9.2023 (Ahad) Tender Jam : 12.00 tengahari No. Fail : MBJB/U/2023/42/PNY/TK/7</p> <p>*TAKLIMAT PEJABAT / LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN*</p>	<p>RM300.00</p> <p>30.8.2023 hingga 21.9.2023</p> <p>(Rujuk Perenggan 4)</p>	<p>CIDB Gred : G3 Kategori : CE Pengkhususan : CE14 DAN berdaftar dengan JCCD (Sijil Kontraktor Johor)</p> <p>HANYA PENAMA DALAM SIJIL CIDB/KKM Dibenarkan Hadir Taklimat /Lawatan Tapak</p>
----------------------------	--	--	---

2. Penender diwajibkan untuk mendaftar syarikat secara dalam talian menggunakan sistem iPerolehan **sebelum** pendaftaran taklimat dilakukan melalui laman sesawang <https://apl.mbib.gov.my/iperolehan>. Sila abaikan jika telah berdaftar dan kemaskini maklumat syarikat sekiranya terdapat perubahan maklumat. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan maklumat yang didaftarkan di dalam sistem iPerolehan haruslah sama dan tepat sebagaimana lesen asal yang terkini dan menepati syarat pendaftaran sebut harga / tender yang diiklankan. Sekiranya berlaku masalah ketika pendaftaran kehadiran taklimat akibat maklumat yang diberikan tidak menepati syarat lesen pendaftaran, pihak MBJB tidak bertanggungjawab sekiranya pendaftaran kehadiran syarikat ditolak oleh pihak MBJB.
3. Pendaftaran taklimat pejabat akan dilakukan secara bersemuka pada tempat, tarikh dan masa seperti jadual tertera di atas. Hanya penama di dalam lesen sahaja yang dibenarkan mendaftar (**TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**) dan hanya syarikat yang **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian.
4. Pembelian perlu dilakukan di sistem iPerolehan MBJB dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem eKhidmat (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>) atau di kiosk MBJB sahaja. Sila Rujuk sistem iPerolehan MBJB bagi penjualan tersebut.

5. Dokumen Meja Tender boleh disemak di Bahagian Pelaksana pada waktu pejabat mulai Tender ini diiklankan iaitu pada 24.8.2023 (Khamis). Untuk keterangan lanjut sila layari laman web MBBJ iaitu www.mbjb.gov.my
6. Dokumen Tender yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat berlakri serta ditulis No. Tender dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar / kurier.
7. Dokumen tender yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier hendaklah dialamatkan ke Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor untuk dimasukkan ke dalam Peti tawaran sebelum pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan seperti di atas sebelum atau pada Tarikh Tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan pihak majlis tidak bertanggungjawab di atas kelewatan penghantaran oleh mana-mana pihak.
8. Majlis tidak semestinya menerima tawaran yang terendah harganya atau sebarang tawaran yang lain.



(DATO' HAJI MOHD NOORAZAM BIN DATO' HAJI OSMAN)
Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.